

108
SN10
2001
C.4

**SEMINAR NASIONAL PENGURUSAN & KEPEMIMPINAN
PENDIDIKAN KE -10
(30 OKTOBER 2001 – 1 NOVEMBER 2001)**

**TEMA:
KESEPADUAN PENGURUSAN DAN KEPEMIMPINAN PENDIDIKAN:
KEPERLUAN DAN TUNTUTAN**

**UCAP UTAMA
KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA**

**Anjuran:
Institut Aminuddin Baki
Kementerian Pendidikan Malaysia
Sri Layang
69000 Genting Highlands
Pahang Darul Makmur**

PUSAT SUMBER INSTITUT AMINUDDIN BAKI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA	
No. Perolehan	28154
Tarikh	28/09/2005
Harga	Percuma
Pembekal	PAB

Bismillah-ir Rahman-ir Rahim

Assalaimualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera

1. Kementerian Pendidikan Malaysia mempunyai visi untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan pada abad ke-21 ini. Teras kepada pencapaian visi dan aspirasi ini ialah kecemerlangan pengurusan dan kepimpinan pendidikan. Kita boleh mengadakan segala kemudahan dan sistem tercanggih bagi sektor pendidikan tetapi keberkesanannya akan terjejas sekiranya kita tidak mempunyai kesepaduan pengurusan dan kepimpinan yang mantap dan jitu. Dalam erti kata lain, pengurusan dan kepimpinan pendidikan merupakan satu aspek integral dalam pencapaian sistem pendidikan berkualiti dan bertaraf dunia.

2. Dalam penulisan bertajuk 21st Century Leadership, Lynne Joy Mc Farlanda dan rakan-rakan mengemukakan ciri-ciri pengurusan dan kepimpinan yang cemerlang dalam abad ke-21. Antara amalan pengurus dan pemimpin yang cemerlang dalam organisasi ialah 'bermaruah dan jujur, berwibawa, amanah, mementingkan pasukan dan saling menyokong, penyayang, terbuka kepada perubahan, mementingkan kualiti perkhidmatan, menghormati pelanggan dan kepelbagaian manusia, berinovasi, mementingkan keseimbangan dalam kehidupan dan mementingkan penglibatan komuniti dan tanggungjawab sosial.' Pada pandangan saya, kesepaduan pengurusan dan kepimpinan ini mestilah mampu mewujudkan satu suasana yang menggalakkan setiap ahli organisasi memanfaatkan sepenuhnya kebolehan, yang dikongsi bersama, yang memberi keyakinan kepada ahli-ahli tersebut untuk bertindak lebih cepat daripada yang dilakukan sebelumnya serta mewujudkan ruang dan peluang untuk mereka menyumbang secara lebih produktif, inovatif dan kreatif.

3. Islam menganjurkan agar pengurusan dan kepimpinan memenuhi tuntutan dan keperluan untuk membina kehidupan yang cemerlang.

Dalam Islam, pengurusan ialah penyempurnaan amanah yang diterima manusia dari Allah sebagai hamba dan khalifahnyanya di muka bumi, dengan mengerjakan amal soleh (perbuatan-perbuatan yang baik, yang diredhai Allah SWT) untuk membina peradaban, bertanggungjawab menghapuskan alfasad (perbuatan yang tidak disalurkan dari iman dan ilmu atau perbuatan yang merosakkan) untuk menjamin keadilan dalam organisasi bagi mencapai alfalaf (kesejahteraan dan keberuntungan serta kemenangan di dunia dan akhirat). Kepemimpinan pula mestilah melaksanakan peranan 'sebagai penunjuk jalan ke satu arah yang betul dan pemimpin mestilah menjadi model ke arah kejayaan sesuatu usaha itu'.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Berasaskan kepada premis tersebut, sekarang timbul satu persoalan. Adakah seseorang pengetua itu harus lebih cemerlang sebagai pengurus atau pemimpin? Kalau dahulunya, soalan sedemikian mungkin dijawab dengan pemberatan kepada salah satu bidang ini namun sekarang keperluan dan tuntutan adalah untuk menyepadukan kedua-duanya. Menjadi pengurus yang berjaya sahaja tanpa kepemimpinan yang baik mungkin bukan jawapan atau pendekatan terbaik dan sebaliknya seorang pemimpin yang bukan pengurus yang baik juga tidak menjamin kecemerlangan organisasi. Kecemerlangan organisasi sekolah tidak hanya bergantung kepada kecemerlangan pengurusan prasarana atau pentadbiran malah memerlukan kepimpinan dengan sentuhan kemanusiaan. Guru-guru di sekolah juga bukannya mengurus penyampaian ilmu melalui kurikulum yang tersedia sahaja malah memerlukan daya kepemimpinan untuk melahirkan generasi insan yang bukan sahaja terpelajar tetapi juga terdidik.

5. John Naisbitt dalam bukunya Megatrends mengutarakan salah satu trend dunia masa kini ialah peralihan daripada teknologi dipaksa (forced technology) kepada teknologi tinggi (high Tech) yang diiringi 'high touch' atau sentuhan kemanusiaan yang tinggi. Ini merupakan keperluan yang jelas kepada

kesepaduan antara pengurusan dan kepemimpinan. Dalam sektor pendidikan, kita juga melalui trend-trend tertentu mengikut keperluan dan tuntutan masa. Antara trend kini dalam Kementerian Pendidikan Malaysia ialah usaha-usaha ke arah membolehkan sekolah berfungsi sebagai organisasi yang mampu berdikari. Pihak sekolah diharapkan dapat mencari penyelesaian kepada cabaran-cabaran yang dihadapi sekolah supaya kita mengurangkan 'lead-time' atau masa bagi menyempurnakan sesuatu perkara. Ini melibatkan penurunan kuasa-kuasa urustadbir kepada pihak sekolah untuk memantap pengurusan berasas-sekolah ('school-based management') yang akan menjadikan sekolah lebih cekap dan berkesan.

Sidang hadirin yang dihormati,

6. Pentadbir sekolah yang juga pengurus dan pemimpin sekolah menghadapi pelbagai tuntutan daripada pelbagai pihak. Mereka bukan sahaja perlu memastikan sumber-sumber sekolah seperti kewangan, prasarana dan personel diadun dengan betul dan cermat malah mereka juga bertanggungjawab terhadap segala aspek yang melibatkan sekolah sama ada dalaman atau pun luaran. Mahu tidak mahu apa sahaja yang berlaku yang berkaitan sekolah akan akhirnya menuju kepada tanggungjawab pengetua atau guru besar. Cabaran yang terbesar yang dapat saya bayangkan ialah faktor individu itu sendiri dan sikapnya. Sikap seseorang Pengetua atau Guru Besar itu nanti akan merupakan satu elemen terpenting dalam mempraktikkan segala ilmu yang disepadukan berkaitan pengurusan dan kepemimpinan pendidikan.

7. Sekolah merupakan satu organisasi yang berdiri kukuh dengan kerjasama daripada semua pihak. Pengetua dan pihak pengurusan perlu ada jalinan kerjasama dengan guru-guru dan semua staf serta jalinan kerjasama luaran dengan agensi-agensi lain dan juga masyarakat setempat. Apabila seseorang pelajar berdaftar ke sekolah, kita bukan hanya menerima pelajar itu sahaja malah ada pakejnya iaitu ibu bapa atau penjaga pelajar tersebut yang turut

menjadi saudara kita di sekolah. Secara langsung kita berurusan dengan pelajar tetapi secara tidak langsung kita berurusan juga dengan ibu bapa dan masyarakat.

Hadirin sekalian,

8. Bagi memastikan kita berupaya menerima tuntutan-tuntutan yang berbagai-bagai daripada masyarakat, kita perlu memastikan wujud kerjasama dan semangat berpasukan yang mantap di kalangan warga sekolah. Dalam TQM atau pengurusan kualiti menyeluruh juga, dua elemen terpenting kejayaan sesebuah organisasi ialah komitmen pihak atasan dan semangat berpasukan. Guru-guru dan staf di sekolah bukan sahaja perlu diurus malah dipimpin untuk mewujudkan kejelekitan yang akan kukuh. Apabila kita mantap di peringkat dalaman, barulah lancar fungsi kita sebagai gedung pengetahuan yang menjanjikan pembinaan bangsa yang liberal dan progresif. Semua pihak dalam sekolah perlu bertindak sebagai satu orkestra yang dipimpin dan diurus oleh seorang konduktor yang berkebolehan. Pengetua yang diibaratkan sebagai konduktor orkestra ini bertanggungjawab penuh terhadap persembahan orkestra tersebut. Beliaulah yang bertanggungjawab untuk melahirkan irama yang merdu yang menjadi halwa telinga pendengarnya. Ketidaksepaduan beliau dalam mengurus dan memimpin ahli-ahli orkestranya akan menghasilkan nada sumbang dan irama pincang yang jelas menunjukkan kelemahan organisasi ini. Untuk ini tahap komunikasi yang baik dan terbuka antara ketua dengan ahli-ahlinya dan di kalangan ahli-ahli itu sendiri haruslah menjadi satu ramuan penting demi kejayaannya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Perubahan dan fenomena globalisasi masa kini terus mencabar dan membawa implikasi kepada sistem pendidikan dan kehidupan kita. Alvin Toffler (1982) dalam bukunya *The Third Wave*, telah pun membangkitkan era

teknologi maklumat. Marshal McLuhan dalam konsep 'global village' (perkampungan dunia), arahaliran ke arah perkongsian sumber, kemudahan jaringan institusi dan globalisasi pendidikan dan latihan juga membawa pemikir meneliti kehidupan semula. Maka sekolah kini yang dianggap 'e-learning generating company' harus menggunakan pendekatan baru.

10. Guru-guru sebagai artitek mahir yang menyalurkan budaya dan nilai selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan perlu melengkap diri dari semua aspek untuk pembinaan insan menyeluruh. Drucker (1992) menegaskan bahawa abad ke-21 kita memerlukan pekerja ilmu, manakala Toffler pernah menyatakan bahawa dalam dunia yang begitu berdaya saing kini, ilmu adalah kuasa. Sesiapa sahaja yang menguasai maklumat akan menguasai dunia. Ini benar berdasarkan hakikat pengaruh sistem telekomunikasi dan ICT atau 'information and communication technology'.

11. Sumber-sumber tenaga yang terhad harus diurus dengan sebaik mungkin supaya dapat menjamin Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai daya saingan yang kukuh di arena antarabangsa. Perkongsian pintar dalam teknologi komunikasi maklumat (ICT), kepakaran, pengalaman dan sumber-sumber lain adalah penting. Malahan yang paling kritikal ialah potensi manusia. Sumber tenaga pendidik harus dipertingkatkan bagi mewujudkan pekerja-pekerja bijak yang bermutu kemahiran dan berpengetahuan tinggi untuk keperluan pembangunan negara.

12. Dalam era globalisasi ini, sistem pendidikan dilanda pelbagai fenomena baru. Antaranya ialah peningkatan teknologi maklumat dan komunikasi yang membawa kepada perdagangan elektronik atau e-commerce dan juga munculnya pembelajaran elektronik atau 'e-learning' yang pesat membangun. Sokongan yang utama dalam pelaksanaan trend yang baru ini ialah penggunaan internet. Internet berkembang sebagai satu kemudahan yang cukup berkuasa bagi pendidikan. Kemudahan ini mampu menyokong program-

program pendidikan dan mendedahkan para pelajar kepada alam jaringan komputer. Tuntutan yang jelas pada masa ini adalah bagi para pendidik melengkapkan diri mereka dengan ilmu teknikal ini. Internet mampu membantu proses pembelajaran dengan mengambil alih peranan penyaluran maklumat.

13. Dalam keadaan ini, peranan sekolah bukanlah jumud. Tuntutan kepada perubahan ini memerlukan pihak sekolah mengurus dan memimpin pelajar supaya mereka bersedia bagi suasana swausendiri, swabelajar dan swamotivasi sambil menjadi pencipta masa depan diri sebagai warga berketrampilan. Namun kita perlu sedar bahawa ICT belum mampu mendidik pelajar dimensi moral, etika dan emosi. Ini akan menjadi satu keperluan yang penting yang dipertanggungjawabkan kepada pihak sekolah dan para pendidik.

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Dalam kehebatan kita mengalami arus globalisasi ini, kita juga harus sedar tentang implikasi sosial dan budaya. Kepesatan kemajuan dalam bidang sains dan teknologi akan mendedahkan generasi muda kita kepada pelbagai budaya dan pemikiran yang bercanggah dengan keperibadian bangsa kita. Sungguh sukar sebenarnya menghalang pelbagai unsur negatif ini mengalir masuk ke negara kerana era maklumat tanpa sempadan membolehkan segala-galanya diakses dengan mudah melalui saluran seperti internet. Kita perlu menyediakan para pelajar dengan kesedaran yang tinggi untuk menilai baik-buruk sesuatu perkara. Sememangnya mudah kita persalahkan elemen-elemen negatif ini yang merosakkan generasi muda kita tetapi ada baiknya juga kita menoleh ke dalam diri dan bertanya soalan sama ada kita cukup memberi ilmu kepada generasi muda supaya mereka tidak mudah terpengaruh dengan elemen-elemen negatif itu tadi. Fenomena seperti 'black metal' sememangnya tidak akan menular jika anak-anak muda kita mempunyai ketahanan diri yang tinggi. Para pendidik perlu menghadapi cabaran ini dengan hati dan minda yang terbuka. Jika anak didik kita kukuh dalam mempertimbangkan antara baik dan

buruk, datanglah apa sahaja pengaruh namun kita masih akan dapat mempertahankan jati diri sebagai bangsa Malaysia yang percaya kepada Tuhan.

15. Cabaran kelunturan moral di kalangan para pelajar ini sebenarnya berkait juga dengan kualiti profesionalisme para pendidik. Para pendidik diberi kepercayaan membentuk generasi insan yang bermoral-etika tinggi dan bermaruah. Dari semasa ke semasa, selain dikejutkan dengan budaya negatif para remaja, kita juga dikejutkan dengan pelbagai paparan negatif dalam media massa tentang para pendidik. Kewujudan budaya sampingan dan serpihan di sekolah dari semasa ke semasa mencalitkan sedikit lumpur ke muka profesion pendidikan yang mulia ini. Pelbagai pihak mula memberikan komen yang pelbagai dan tidak kurang juga tohmahan kepada institusi sekolah apabila timbul peristiwa seperti penyediaan soalan sinis berbau politik, penentangan terhadap kerajaan dan pelbagai salah laku pelajar yang serius. Perkara seumpama ini, walaupun berlaku dalam kadar sedikit, sudah cukup untuk menimbulkan pandangan yang negatif kepada pendidik dan sekolah.

Tuan-tuan dan puan-puan warga pendidik,

16. Sekolah dianggap satu tempat yang suci dan murni kerana di sini berlaku penyuburan ilmu dan pendidikan yang membina insan yang mulia. Tuntutan masyarakat adalah supaya kesucian ini dipertahankan dan anak-anak tidak dicemarkan minda mereka. Sebarang pendapat yang bercanggah daripada para pendidik akan hanya mengelirukan dan menimbulkan dilema di kalangan pelajar. Masa mereka yang sepatutnya digunakan bagi pemerolehan ilmu yang sesuai dengan kedudukan mereka sebagai pelajar akan terbuang dengan wujudnya pelbagai pergolakan dan dilema dalam minda mereka.

17. Kita harus memegang prinsip menghormati dan mentaati 'the government of the day' atau kerajaan yang memerintah dan meneruskan perjuangan membina minda positif generasi muda kita ini. Pengurusan dan kepimpinan

sekolah perlu memastikan perkara ini kerana ini juga satu tuntutan besar dan keperluan kita pada hari ini. YAB Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad juga pernah mengingatkan kita tentang perkara ini apabila beliau berkata, "benar bahawa apa yang diperlukan oleh negara dengan segera dalam dekad defisit moral ini ialah disiplin, mental yang positif dan pemupukan semula etika, nilai dan ciri-ciri yang baik."

Sidang hadirin,

18. Ramai ibu bapa meletakkan harapan dan tanggungjawab sepenuhnya kepada pihak sekolah dalam mendidik dan mencorakkan pemikiran dan sahsiah anak-anak mereka. Walaupun di sekolah para pendidik sentiasa berusaha memastikan bahawa semua anak didik berada dalam keadaan yang terbaik namun pendidik menghadapi pelbagai cabaran dan kekangan. Pihak ibu bapa harus memastikan kesejahteraan dan keselamatan anak-anak mereka itu. Tuntutan masyarakat adalah supaya institusi sekolah dan warga pendidik peka kepada segala masalah yang dihadapi oleh anak-anak mereka yang bergelar pelajar. Kita juga sebenarnya memahami perasaan dan cabaran yang dihadapi ibu bapa. Ramai ibu bapa mungkin sukar menangani masalah anak-anak mereka kerana masalah ini pelbagai dan memerlukan kefahaman serta kemahiran menanganinya. Umpamanya, ibu bapa yang tidak begitu mesra komputer mungkin tidak menyedari kegiatan anak mereka yang berkaitan komputer. Komputer, pada hemat mereka, mungkin memberi kebaikan sahaja dan bukannya keburukan. Menyedari perkara ini dan pelbagai lagi cabaran lain yang khusus kejadiannya dalam era sekarang, kita mengorak langkah juga membantu para ibu bapa ini.

19. Tuntutan kini adalah supaya ibu bapa juga dibantu untuk membolehkan mereka membantu dan mengawal kegiatan anak-anak mereka. Kementerian Pendidikan melalui Institut Aminuddin Baki sudah memulakan kursus keibubapaan bagi membolehkan para pendidik berkongsi maklumat dengan

pihak ibu bapa di peringkat negeri, daerah dan sekolah. Kita harapkan pihak ibu bapa akan lebih aktif memastikan anak-anak mereka berada dalam keadaan yang selamat dan tidak diancam pelbagai jenis elemen negatif. Ini juga akhirnya membantu pihak sekolah. Jadi, sebenarnya kerjasama yang erat antara pihak sekolah dengan persatuan ibu bapa guru akan membantu menyelesaikan pelbagai masalah kelunturan moral dan disiplin para remaja kita pada hari ini. Pihak Institut Aminuddin Baki juga diberi tugas melatih guru-guru kaunselor yang bukan sahaja akan membantu para pelajar malah akan membantu juga para guru dan staf lain yang dilanda masalah.

Tuan-tuan dan puan-puan,

20. Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) bagi tempoh 2001-2010 juga menitikberatkan pendidikan. Dasar Wawasan Negara akan menjadi asas kepada strategi dan program di bawah RRJP3. Antara dimensi baru yang dikemukakan melalui RRJP3 ialah usaha membangunkan Malaysia sebagai sebuah masyarakat berasaskan pengetahuan dan merobah pembangunan sumber manusia bagi menyokong pembentukan masyarakat yang berasaskan pengetahuan. Sehubungan itu, teras utama Dasar Wawasan Negara yang berkaitan pula menggariskan usaha membina bangsa yang berdaya tahan dengan memupuk perpaduan, menyemarakkan semangat patriotik, menaikkan kematangan politik, membina masyarakat supaya lebih sanggup bertolak ansur dan penyayang yang tersemat dengan nilai positif serta meningkatkan kualiti hidup dan keutuhan ekonomi. Di samping itu usaha juga akan dilakukan bagi mengukuhkan pembangunan sumber manusia untuk menghasilkan tenaga kerja yang berkebolehan, produktif dan berpengetahuan.

21. Ini merupakan tuntutan negara bagi merealisasikan keperluan negara dan bidang pendidikan perlu memainkan peranan yang penting dalam aspirasi tersebut. Oleh itu kita harus menyokong usaha-usaha ini dengan memastikan bahawa generasi muda mendapat pendidikan dan pengetahuan asas yang

kukuh supaya mereka kelak boleh menuntut ilmu dan menjadi pekerja mahir selari dengan kehendak negara. Dalam bidang pengurusan dan kepimpinan kurikulum, kita perlu berusaha meningkatkan komponen Sains, Matematik dan Teknologi. Kemahiran ICT juga perlu bagi memastikan para pelajar memperoleh faedah semaksimum dalam usaha menimba ilmu pengetahuan. Penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar mahupun pendidik perlu dititikberatkan dan ditingkatkan kerana ini akan memberi kita kebolehan untuk berurusan dan berdaya saing dengan gergasi-gergasi dunia yang lain. Tuntutan dan keperluan kita sebagai pendidik juga adalah untuk memastikan para pelajar dan masyarakat mengamalkan budaya membaca yang tinggi, mementingkan pengetahuan mengenai data, proses penyelidikan, penulisan dan pendokumentasian pengetahuan supaya ini boleh dijadikan satu komoditi yang cukup berharga bagi kemajuan negara.

Hadirin yang dihormati,

22. Pembangunan sumber manusia bukan hanya difokuskan kepada para pelajar semata-mata malah pihak pengurus dan pemimpin sekolah harus memastikan dan membantu para pendidik membangunkan diri mereka secara profesional. Menjadi pendidik dalam satu-satu bidang bukanlah matlamat akhir seseorang guru malah kita harus terus menimba ilmu pengetahuan dan membina kemahiran, sesuai dengan pegangan 'pendidikan sepanjang hayat'. Sekolah-sekolah harus memenuhi keperluan sebagai 'organisasi pembelajaran' ('learning organisation') bagi kesemua warganya, tidak kira pentadbir, guru, staf atau pelajar. Sebagai pendidik, kita juga harus sentiasa bersandar kepada kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menuntut pembinaan insan yang menyeluruh dan seimbang dalam aspek intelek, jasmani, emosi dan rohani. Kementerian Pendidikan juga sudah memulakan satu lagi usaha ke arah ini dengan penubuhan kolej-kolej komuniti yang bakal membantu masyarakat menimba ilmu sejajar dengan usaha melahirkan lebih ramai tenaga teknikal dalam membantu pengwujudan negara perindustrian menjelang tahun 2020.

23. Dalam kita mencari kesepaduan pengurusan dan kepimpinan serta melihat kepada tuntutan dan keperluan yang wujud, elok juga kita menjenguk kata-kata Alvin Toffler iaitu;

"...the illiterate of the 21st century will not be those who cannot read and write, but those who cannot learn, unlearn and relearn",

yang bermaksud bahawa ukuran buta huruf dalam abad ke-21 bukan lagi berdasarkan kemampuan seseorang itu untuk membaca dan menulis malah disandarkan kepada keupayaannya untuk belajar, melupakan perkara yang dipelajari, lalu belajar semula. Tambahan pula, Kotter dalam bukunya *Leading Change* telah mengariskan beberapa langkah yang dapat menolong pengurus dalam menggerakkan sesebuah institusi ke arah perubahan positif. Di antaranya ialah:

- Melahirkan kesedaran untuk bertindak segera (Establish a sense of urgency)
- Mewujudkan kesepakatan individu yang saling membimbing (Create the guiding coalition of individuals)
- Membina satu visi dan strategi (Develop a vision and a strategy)
- Menyampaikan visi perubahan (Communicate the vision of change)
- Pengupayaan tindakan yang menyeluruh (Empower broad-based action)
- Menjana kejayaan jangka pendek (Generate short-term wins)
- Mengabungjalin kejayaan untuk menghasilkan lebih banyak perubahan (Consolidate gains to produce more change)
- Perubahan berasaskan kepada budaya korporat (Anchor change in the corporate culture).

Para hadirin sekalian,

24. Kita amat berharap organisasi pendidikan kita sentiasa terbuka kepada perubahan -perubahan yang baru yang mampu meningkatkan keberkesanan institusi pendidikan. Kita amat berharap organisasi pendidikan kita tidak dilanda 'sindrom katak'. Analoginya adalah tentang katak yang akan bertindakbalas

dengan cepat jika dimasukkan dalam air yang panas tetapi lain keadaannya jika katak ini dimasukkan dalam balang berisi air yang biasa suhunya lalu dipanaskan perlahan-lahan. Air yang semakin panas itu tidak disedari katak sehinggalah mengakibatkan katak itu mati dalam air yang mendidih. Dalam kes yang pertama persekitaran yang tiba-tiba berubah menyedarkan katak tetapi dalam kes yang kedua, persekitaran yang berubah secara beransur-ansur tidak menyedarkan katak akan marabahaya yang dihadapinya. Jika kita tidak sensitif terhadap persekitaran yang berubah beransur-ansur kita juga berkemungkinan dilanda sindrom katak ini. Kita hanya akan sedar apabila keadaan sudah betul-betul buruk dan mengancam. Oleh itu, kita perlu sentiasa melihat dan menganalisis organisasi kita dan mencari sebarang petanda yang menunjukkan keadaan yang berubah daripada normal dan bertindak sewajarnya. Kita perlu sedar dan peka terhadap tuntutan-tuntutan pendidikan dan juga berusaha dengan cepat untuk memenuhi keperluan-keperluan yang akan membawa faedah kepada pendidikan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

25. Marilah kita bersama-sama menggembeleng tenaga dan memobilisasikan sumber-sumber sambil menyepadukan amalan, proses dan hasil pengurusan dan kepemimpinan untuk mencapai aspirasi murni pendidikan negara. Saya berharap cetusan minda daripada seminar ini akan dapat dimanfaatkan oleh seluruh warga pendidikan negara.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalaimualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.